

Jangan ungkit dasar penting

Oleh AZAMIE DESA

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggesa semua pihak jangan mengungkit dasar-dasar penting negara yang sudah dipersejujui bersama.

Katanya, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Kebudayaan, bahasa dan hak istimewa orang Melayu tidak boleh dipertikaikan lagi jika perpaduan dan kestabilan negara hendak dikekalkan.

Gesaan itu disampaikan dalam pertemuan satu setengah jam dengan 17 pemimpin Majlis Belia Malaysia (MBM) di pejabatnya di sini, semalam.

Setiausaha Agung MBM, Encik Fuad Hassan, berkata Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan sudah cukup liberal dalam melaksanakan dasar-dasar itu berbanding negara-negara lain.

"Oleh itu, kerajaan tidak mahu melihat perkara yang sudah selesai, diungkit semula oleh mana-mana pihak," katanya.

Perdana Menteri juga meminta semua kaum bersikap rasional dan menyertai setiap program yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini.

Menurut Encik Fuad, dalam pertemuan itu MBM melahirkan rasa bimbang mengenai arah perpaduan masyarakat kini dan kesan eksploitasi politik yang terlalu luas ke atas golongan belia.

Selain itu, masalah sosial dan pembabitan belia dalam usaha kerajaan menggubal dasar-dasar penting negara juga ditimbulkan, tambahnya.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir memandang berat pencerobohan budaya asing di kalangan belia.

Perdana Menteri menyatakan adalah agak sukar bagi kerajaan mengawal keadaan itu. Bagaimanapun, beliau memberi jaminan akan berusaha menyelesaikannya.

Encik Fuad berkata, Perdana Menteri meminta pertubuhan belia di negara ini mempelbagai kegiatan mereka supaya lebih ramai belia menyertainya.

Beliau berkata, Datuk Seri Dr Mahathir juga memberi jaminan untuk mendapatkan tanah bagi mendirikan ibu pejabat MBM dan sebuah pusat kegiatan belia.